



Anak syarikat GFM peroleh kontrak bernilai RM69 juta daripada BNM

Tarikh kemaskini: 07/02/2019



KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Global Facilities Management Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh GFM Services Bhd, memperoleh dua kontrak bernilai RM69 juta daripada Bank Negara Malaysia (BNM) bagi penyediaan perkhidmatan pengurusan fasiliti secara komprehensif di premis terpilih.

Pengarah Urusan GFM, Ruslan Nordin berkata kontrak baharu berkenaan mencerminkan keyakinan pelanggan terhadap keupayaan syarikat dalam memberikan perkhidmatan berkualiti dan tepat masa.

Source:

<http://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1692208>